

SOALAN NO. 407

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah laporan yang telah dilaporkan kepada pihak Kementerian tentang dakwaan kemungkinan berlakunya peningkatan mendadak kes perceraian sehingga 15 kes bagi setiap satu jam menjelang tahun 2020 dan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menjalankan kempen pendidikan awal tentang perkahwinan kepada pelajar sekolah menerusi ceramah atau bahan kempen.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang berat tentang peningkatan bilangan perceraian dalam negara. Namun begitu, dakwaan peningkatan mendadak kes perceraian sehingga 15 kes bagi setiap satu jam menjelang tahun 2020 adalah hanya jangkaan yang bersandarkan bilangan perceraian bagi setiap jam setahun berdasarkan bilangan perceraian pada tahun-tahun yang lepas. Kaedah memantau trend kadar perceraian sebenar yang umumnya diguna antara negara-negara bagi melihat kadar perceraian sesebuah negara adalah dengan melihat kepada bilangan perceraian berbanding jumlah penduduk bagi setiap seribu penduduk.

Berdasarkan kaedah perkiraan bilangan perceraian berbanding jumlah penduduk bagi setiap seribu penduduk, terdapat peningkatan kadar perceraian dari tahun ke tahun namun peningkatannya tidak berlaku secara mendadak dan ianya meningkat selari dengan pertambahan penduduk dan jumlah perkahwinan dari tahun ke tahun.

Kementerian tidak bercadang menjalankan kempen pendidikan awal tentang perkahwinan kepada pelajar sekolah. Langkah yang dilaksanakan KPWKM pada masa ini adalah melaksanakan Modul Pembangunan Keluarga di Institusi Pengajian Tinggi (MOPKIPT) yang turut mengandungi pendidikan praperkahwinan kepada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai kursus ko-kurikulum berwajib yang telah diikuti oleh 816 mahasiswa. Kementerian sedang merancang memperluas pelaksanaan pendekatan ini di institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. SHAHRUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

SOALAN : 408

Ir. Shahrudin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan etika di jalan raya sentiasa menjadi amalan pengguna ini kerana mengikut statistik Jabatan Keselamatan Jalan Raya, 82% dari kemalangan maut tahun 2016 adalah berpunca dari kecuaiian pengguna jalan raya sendiri.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh PDRM, jumlah angka korban jalan raya pada tahun 2016 adalah sebanyak 7,152 manakala pada tahun 2017 pula ialah sebanyak 6,740. Ini menunjukkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya adalah berkurang sebanyak 412 kematian atau bersamaan dengan 6%.

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

- Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
- Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambah baik dari semasa ke semasa dengan mengambil kira maklum balas daripada *stakeholders*

berkaitan dan pendekatan yang diguna pakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit telah dilaksanakan semula sebagai satu mekanisma untuk mengubah tingkah laku pemandu agar lebih berhemah semasa berada di jalan raya .

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Modul PKJR kini sedang disemak semula bagi memastikan penglibatan guru untuk membangunkan modul aktiviti keselamatan jalan raya. Melalui aktiviti ini, ia akan memberi kesedaran kepada pelajar di peringkat sekolah tentang pematuhan terhadap keselamatan jalan raya.